

Mereka berniaga bukan untuk mengumpul kekayaan, namun demi sesuap nasi menyara keluarga dan meneruskan kelangsungan hidup.

Peredaran zaman dan lambakan pilihan dalam talian tanpa sedar menyebabkan perniagaan pasar malam dilihat tidak lagi menjadi pilihan utama pengunjung membeli keperluan.

Menerusi Apa Khabar Rakyat minggu ini, wartawan *Sinar Harian*, NORAFIZA JAAFAR menyelami keluhan golongan ini yang mendakwa perniagaan mereka kian terjejas akibat terpaksa berpindah dari lokasi asal.

JIKA dahulu pasar malam menjadi aktiviti hujung minggu keluarga membeli makanan selain keperluan dapur, namun keadaannya kini kian suram seiring peredaran zaman.

Ia turut didorong kepesatan pembangunan di ibu negara menyebabkan peniaga terpaksa beralah ke tapak baharu bagi memberi laluan kepada projek kapitalis.

Situasi tersebut menimpa 300 peniaga pasar malam di AU2 Keramat, baru-baru ini, apabila terpaksa berpindah lokasi ke Jalan Rejang atas nama pembangunan.

Peniaga nasi kerabu, Ismadi Mohd Zin, 55, mengeluh tetapi tetap akur dengan arahan dikeluarkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang sedikit sebanyak menjejaskan periuk nasi-nya dan penjaja pasar malam lain.

Ia disebabkan persaingan di lokasi baharu yang mencecah 900 tapak dengan tujuh daripadanya menjual makanan sama sepertinya.

"Kalau di tapak lama peniaga nasi kerabu hanya dua orang, jadi hasil jualan boleh mencecah empat angka tetapi persaingan di lokasi baharu menyebabkan pendapatan merosot lebih 80 peratus."

"Bagi mengelak terus menanggung kerugian, saya terpaksa mengurangkan kuantiti jualan bagi mengelak pembaziran," katanya.

Ujarnya, tiada apa yang boleh dilakukan selain akur tidak diberikan alternatif lain dalam penyelesaian isu pemindahan peniaga asal.

Pasar malam kian sepi kerana pindah lokasi



Muhammad Nazri (kanan) membantu bapanya berniaga kuih bebola kaya di pasar malam di Bandar Baru Sentul.



Walaupun menyediakan 900 lot niaga, suasana pasar malam di Jalan Rejang kian suram ditelan arus permodenan.

"Jika tidak pindah tidak boleh berniaga di kawasan lama memandangkan operasi pasar malam di sana sudah ditutup sepenuhnya."

"Dalam tempoh dua bulan ini masih cuba membiasakan diri lagi dan jika pendapatan terus menurun, saya terpaksa berhenti berniaga kerana tidak mahu terbeban dengan kos modal selain faktor pengangkutan dan jarak," katanya.

Sementara itu, peniaga pasar malam Bandar Baru Sentul, Asri Ibrahim, 65, berkata pernah mengalami situasi sama apabila berpindah sebanyak tiga kali susulan tapak niaga mahu dibangunkan dengan projek pembangunan.

Katanya, keadaan itu tidak dapat dielak susulan tapak niaga diduduki bukan berstatus kekal menyebabkan terpaksa berpindah.

"Untuk bermula di tapak baru memang 'sakit' dan mengambil masa satu ke dua tahun sebelum stabil tetapi sambutannya tetap tidak sama seperti dulu."



ISMADI



ASRI



MUHAMMAD NAZRI

"Ia menyebabkan ada peniaga tidak dapat bertahan dan mula angkat kaki. Selain itu, tapak pasar malam juga kian berkurangan dari tahun ke tahun ekoran peredaran zaman," katanya.

Bagaimanapun, dia yang sudah 20 tahun menceburi dunia pasar malam mengaku akan terus bertahan selagi ada permintaan.

"Jika makanan kita sedap dan harga berpatutan, saya yakin orang akan cari walaupun berpindah ke tempat baharu."

"Cuma akan ambil masa untuk me-

narik pelanggan dan ketika itu kita kena sabar dan bertahan dengan keuntungan sedikit," katanya yang menjual cendol.

Seorang lagi peniaga, Muhammad Nazri Mohamad Ibrahim, 23, mengambil keputusan meninggalkan pekerjaan makan gaji untuk menumpukan perhatian membantu bapanya berniaga di pasar malam.

"Walaupun pendapatan tidak menentu tetapi saya sahut cabaran berniaga bagi meneruskan perniagaan bebola kaya diusahakan keluarga."

"Saya tak kisah berpanas dan penat namun jika rajin berniaga setiap hari, pendapatan cukup untuk tampung keluarga," katanya yang berniaga lima hari seminggu di pasar malam berbeza.

Katanya, bagi memastikan perniagaan pasar malam kekal relevan, pihak berkuasa perlu memberi tapak kekal supaya tidak perlu berpindah setiap kali projek pembangunan mahu dilaksanakan.